



24 Mac 2020

KENYATAAN JAWATANKUASA FATWA BERKAITAN PENCEGAHAN COVID-19

1. Jawatankuasa Fatwa telah mengambilkira situasi terkini dan perkembangan terbaru berkaitan penularan wabak COVID-19 di Singapura. Jumlah mereka yang dijangkiti virus ini pada hari ini, 23 Mac 2020, telah meningkat (~509 pesakit dengan dua kematian) berbanding dengan jumlah pesakit ketika penutupan masjid diumumkan pada 12 Mac 2020 (~187 pesakit). Jawatankuasa Fatwa juga mengambilkira keadaan penularan wabak COVID-19 yang bertambah buruk di seluruh dunia di mana angka pesakit serta mereka yang terkorban kerana virus ini telah melonjak dengan tinggi. Ini bermakna bahawa penularan wabak COVID-19 telah bertambah kritikal dan belum menunjukkan apa-apa perkembangan positif. Risiko jangkitan masih wujud, khusus pada perhimpunan seperti yang biasa berlaku di dalam masjid, dalam bentuk solat berjemaah dan solat Jumaat. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan bahawa penutupan masjid perlu dilanjutkan sehingga keadaan beransur pulih dan jumlah jangkitan dapat dikawal dengan baik, mengikut nasihat Kementerian Kesihatan Singapura serta pakar perubatan.

2. Fatwa ini dikeluarkan berdasarkan prinsip-prinsip dan dasar-dasar Syariat Islam yang menyuruh agar segala bentuk kemudaratan dan bahaya dielakkan. Di antaranya adalah prinsip *Al-Darar Yuzal* (kemudaratan hendaklah dihilangkan) dan kaedah *Sadd al-Zarā'ī'* (menutup ruang kemudaratan). Ini bermaksud bahawa sekiranya sesuatu kemudaratan dijangkakan boleh berlaku, maka langkah-langkah pencegahan perlu diambil untuk memastikan pemeliharaan nyawa¹ serta kesihatan individu serta masyarakat umum.

¹ Pemeliharaan nyawa adalah salah satu dari lima dasar utama yang menjadi keutamaan syarak dikenali sebagai al-Daruriyat al-Khamsah.

3. Situasi yang dihadapi sekarang ini adalah satu bentuk darurat di mana nyawa dan keselamatan manusia akan terancam sekiranya langkah-langkah yang dapat mengawal penularan wabak COVID-19 tidak diambil. Dalam keadaan ini, adalah menjadi keutamaan kita untuk memelihara nyawa serta keselamatan masyarakat. Dalam situasi ini juga, solat Jumaat tidak dapat diadakan dan gugur kewajipannya ke atas kaum Muslimin, walaupun ia melebihi tiga solat Jumaat secara berturut-turut. Jawatankuasa Fatwa juga ingin menekankan bahawa hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang melarang seseorang meninggalkan solat Jumaat (kerana kecuaiian dan kelalaian) adalah untuk situasi biasa dan bukannya keadaan darurat seperti mana yang sedang kita hadapi.

4. Nasihat Jawatankuasa Fatwa kepada anggota masyarakat ketika ini adalah untuk menuruti panduan Nabi Muhammad s.a.w. bagi mereka yang berhadapan dengan ujian penyakit wabak. Baginda s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Dan tidaklah seseorang yang ketika terjadi wabak Taun, dia lalunya **tinggal di rumahnya** dengan penuh sabar dan berharap pahala (di sisi Allah swt), dia yakin bahawasanya tidak akan menyimpannya kecuali apa yang ditetapkan Allah untuknya, maka dia akan mendapatkan seperti pahala syahid”*.²

5. Oleh itu, keutamaan kita pada hari ini adalah untuk menjaga keselamatan dan kesihatan, buat diri sendiri, keluarga dan masyarakat, serta meneruskan segala ibadah di rumah dan bersama keluarga. Semoga Allah s.w.t. meringankan ujian yang dihadapi seluruh umat manusia dan memberikan kita kesabaran dan ketabahan untuk mengatasinya dengan penuh keinsafan.

² Riwayat Imam Bukhari, An Nasaie dan Ahmad.